

Nama Murid		Tahun	3
------------	--	-------	---

INSTRUMEN PENILAIAN SEKOLAH

BIL 1 / 2015

Bahasa Melayu

Penulisan

Mei 2015

1 $\frac{1}{4}$ jam

BAHASA MELAYU

Penulisan

TAHUN 3

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas ini mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.*
2. *Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.*
3. *Bagi Bahagian B, kamu boleh memilih sama ada menjawab Soalan 1, Soalan 2, atau Soalan 3.*
4. *Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan dalam kertas soalan ini. Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas soalan.*


Kod Pemeriksa:		
Bahagian	No. Soalan	Markah
A		
B		
C		
JUMLAH		60


Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

[Lihat sebelah

Bahagian A
(Masa dicadangkan : 15 minit)
(10 markah)

Gambar di bawah menunjukkan suasana dalam sebuah warung.
Tulis lima ayat yang lengkap tentang aktiviti-aktiviti yang terdapat
dalam gambar.





[Lihat sebelah
B. MELAYU (PEN) - THN 3

Bahagian B
(Masa dicadangkan : 40 minit)
(30 markah)

Jawab semua soalan.

Soalan 1

Susun dan tulis semula cerita di bawah mengikut urutan yang betul.

	Pada hari yang dijanjikan, semua haiwan berkumpul di satu tempat untuk melihat perlumbaan tersebut. Apabila acara dimulakan, arnab berlari dengan pantas.
	Semua haiwan bersorak riang apabila kura-kura melintasi garisan penamat. Arnab berasa kesal kerana memandang rendah akan keupayaan kura-kura. Arnab berjanji akan lebih menghormati rakan-rakan yang lain selepas ini.
	Kura-kura ketinggalan jauh di belakang. Arnab berhenti untuk berehat. Arnab tertidur di bawah pokok.
	Pada suatu hari, seekor arnab bertemu dengan seekor kura-kura. Arnab mengajak kura-kura berlumba lari dengannya.
	Kura-kura berjalan perlahan-lahan hingga sampai ke garisan penamat. Arnab terjaga dari tidur. Arnab terkejut lalu memecut ke garisan penamat.

A right triangle with a hypotenuse of length 20.

[Lihat sebelah
B. MELAYU (PEN) - THN 3

Soalan 2

Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.


jenis	unik	manakala	pelancong	ditenun
upacara	rumit	terkenal	disiapkan	hiasan

KAIN PUA

Kain pua (1)_____ di negeri Sarawak. Kain ini (2)_____ oleh masyarakat Iban. Kain pua terbahagi kepada tiga (3)_____ jenis iaitu pua kumbu, pua mata dan pua rara. "Pua" bermaksud selimut, (4)_____ "kumbu" bermaksud untuk menyelimuti.

Kerja-kerja menenun amat (5)_____ dan memerlukan masa yang lama untuk (6)_____. Selain digunakan sebagai selimut, kain ini juga digunakan dalam (7)_____ kelahiran, perkahwinan dan (8)_____ dinding.

Kain pua amat (9)_____ dan cantik sebagai hasil kreativiti masyarakat Sarawak. Kain-kain ini juga banyak dibeli oleh (10)_____ sebagai cenderamata dan hiasan rumah.




Bahagian C
(Masa dicadangkan : 20 minit)
(20 markah)

Tulis karangan yang lengkap berpandukan rangsangan yang diberi.

air kelapa – diminum –
menyegarkan badan –
ubat


lidi kelapa – diraut – penyapu –
membersihkan rumah – bersih –
ceria



daun kelapa muda – ketupat –
hidangan – hari raya – buah
kelapa – diparut – santan – kuih

batang kelapa – dipotong
- titi – menyeberang parit –
kemudahan

Kegunaan Pokok Kelapa



B. MELAYU (PERG) - THN 3